

Bagaimana Membina Pengukuran Yang Betul Bagi Menentukan Kesahan Self-esteem

Rosly Bin Kayar

Kenalpasti Self-esteem yang hendak diuji meliputi responden, item soalan dan jangka masa ujian.

Pengkaji perlu memilih dengan tepat apakah nilai self-esteem yang hendak dikaji dan memilih responden yang sesuai. Item soalan juga perlu dirancang dengan lebih awal dan menetapkan jangka masa ujian. Pengkaji perlu mematuhi jangka masa ujian yang ditetapkan kerana dalam jangka masa inilah sesuatu perubahan mengenai konsep yang diuji akan dilihat atau diperhatikan.

6.2. Punyai petunjuk yang tepat dan punyai kesahan yang tinggi.

Ini bermaksud jika sesuatu ujian itu dilakukan ia mestilah dapat memenuhi kriteria ujian self-esteem yang diperlukan. Jika sesuatu soal selidik itu telah memenuhi kriteria yang diperlukan ia dianggap mempunyai petunjuk yang tepat dan indeks skor kesahan akan digunakan. Petunjuk yang tepat akan dapat menghasilkan kesahan yang tinggi manakala petunjuk yang lemah akan menghasilkan kesahan yang rendah. Contohnya, jika ingin menguji tekanan perasaan di kalangan guru sepatutnya soalan yang dibina dapat menunjukkan perkaitan atau korelasi di antara kerjaya seorang guru dan beban tugas yang diterima.

6.3. Kumpul data dengan tepat seberapa boleh.

Jika pengkaji telah menetapkan jumlah responden yang diambil sebagai sampel adalah seramai 300 orang dan melibatkan 10 buah sekolah maka pengkaji mestilah mendapatkan kembali borang soal selidik sebanyak 300 naskah dan di sekolah yang diuji. Jika soal selidik yang diterima tidak dapat dikumpulkan kesemuanya ia akan mengganggu skor kesahan ujian. Kesilapan dalam memindahkan data dari kertas soalan ke pengiraan statistik juga akan mengganggu kesahan konsep self-esteem yang hendak diuji. Oleh itu, para pengkaji mestilah amat teliti dalam mengumpul dan memberikan interpretasi terhadap data yang diperolehi.

